

## BAB I

### PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DAERAH

#### TELUK ANSON

#### Nikah Dan Hukumnya Dalam Islam: Secara Am

Adapun nikah itu ialah satu peraturan yang membolehkan lelaki menghampiri perempuan dengan syarat-syarat yang tertentu. Dengan yang demikian seseorang manusia itu adalah patut berkahwin apabila mempunyai syarat-syaratnya. Sebaliknya ditegah pula daripada berkahwin itu sekiranya tiada cukup syarat-syaratnya.<sup>1</sup>

Beberapa keadaan seperti dibawah ini dapat menjadi panduan kita:

Pertama: Sunat - iaitu bagi mereka yang ingin kepada sex dan berkemampuan mengadakan perbelanjaan dan saraan nafkah yang menasabah seperti yang ditegaskan oleh nabi Muhammad di dalam hadithnya, yang bermaksud;

"Hai pemuda-pemuda barangsiapa yang kuasa kepada jima' dan saraan nafkah maka hendaklah ia berkahwin kerana bahawasanya ia lebih menutup dari perkara-perkara yang haram yang terlebih memelihara faraj daripada zina dan barangsiapa yang tiada upaya maka hendaklah ia puasa kerana puasa itu mengurangkan keinginan".

---

1. Haji Mohamad Ghazali Haji Abdullah, Risalah Suluh Rumahtangga, (Ringkasan Peraturan Nikah dan Cerai dalam Islam) Terbitan cawangan Zakat dan Fitrah Ipoh, 1961, m.s. 3.

## BAB I

### PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DAERAH

#### TELUK ANSON

#### Nikah Dan Hukumnya Dalam Islam: Secara Am

Adapun nikah itu ialah satu peraturan yang membolehkan lelaki menghampiri perempuan dengan syarat-syarat yang tertentu. Dengan yang demikian seseorang manusia itu adalah patut berkahwin apabila mempunyai syarat-syaratnya. Sebaliknya ditegah pula daripada berkahwin itu sekiranya tiada cukup syarat-syaratnya.<sup>1</sup>

Beberapa keadaan seperti dibawah ini dapat menjadi panduan kita:

Pertama: Sunat - iaitu bagi mereka yang ingin kepada sex dan berkemampuan mengadakan perbelanjaan dan saraan nafkah yang menasabah seperti yang ditegaskan oleh nabi Muhammad di dalam hadithnya, yang bermaksud;

"Hai pemuda-pemuda barangsiapa yang kuasa kepada jima' dan saraan nafkah maka hendaklah ia berkahwin kerana bahawasanya ia lebih menutup dari perkara-perkara yang haram yang terlebih memelihara faraj daripada zina dan barangsiapa yang tiada upaya maka hendaklah ia puasa kerana puasa itu mengurangkan keinginan".

---

1. Haji Mohamad Ghazali Haji Abdullah, Risalah Suluh Rumahtangga, (Ringkasan Peraturan Nikah dan Cerai dalam Islam) Terbitan cawangan Zakat dan Fitrah Ipoh, 1961, m.s. 3.

Kedua: Makroh iaitu bagi mereka yang tiada ingin kepada sex serta tiada upaya mengadakan perbelanjaan dan saraan kepada sex tapi tidak berkemampuan mengadakan perbelanjaan dan nafkah.

Ketiga:Haram iaitu orang yang tidak ingin kepada sex.

Keempat: Wajib setelah bernazar seseorang misalnya apabila ia sembuh dari sakit.

Kelima: Iaitu bagi mereka yang tiada ingin kepada sex tetapi mampu kepada saraan.

Maka dari keterangan-keterangan ini nyatalah bahawa berkahwin itu bukanlah perkara mudah dan tidaklah boleh dipermudahkan. Bahkan bukanlah digalakkan kepada tiap-tiap orang sekalipun ramai orang yang mengatakan sunat tetapi bukanlah bagi semua orang. Hanya bagi mereka yang ada syarat-syarat yang tersebut di atas tadi. Dengan itu barangsiapa yang berkahwin dengan tiada cukup persediaan atau kelayakan diri maka adalah ia telah melanggar ajaran ugama Islam dan akan mendatangkan keburukan ke atas dirinya dan isterinya dan kehidupan sengsara.<sup>2</sup>

---

2. Op-cit., m.s. 3.

Setengah-tengah perempuan yang seperti itu telah hilang marwah dan hilang fikiran lalu hanyut di dalam laut persundalan. Oleh itu sayugialah diingatkan kepada pihak perempuan dan walinya supaya jangan menerima pinangan atau berkahwin melainkan apabila telah disiasat dengan telitinya akan lelaki yang bakal suami itu sehingga mendatangkan puashati dan kepercayaan akan perkahwinan itu boleh kekal dan aman maka barulah diterima pinangan itu juga diingatkan kepada wali atau penjaga anak-anak perempuan iaitu janganlah disifatkan bahawa mengahwinkan anak-anak perempuan itu sebagai melepaskan beban saja kerana perkahwinan yang tidak kekal atau tidak aman itu akan mendatangkan beban yang lebih berat lagi maka adalah diingatkan iaitu sunat bagi ibubapa dan datuk lelaki seorang perempuan itu minta izin perempuan bagi mengahwinkannya dan seeloknyalah jangan dinikahkan seorang perempuan itu dengan tiada persetujuannya.<sup>3</sup>

### Beristeri Lebih Daripada Seorang

Dengan tujuan supaya masyarakat manusia itu aman dan tenteram maka diharuskan bagi lelaki beristeri lebih daripada seorang hingga empat orang dengan beberapa syarat yang tertentu sebagaimana yang diterangkan oleh ayat-ayat Al-Quran.

---

3. Op-cit., m.s. 5.

Allah mengharuskan beristeri lebih dari satu ialah kerana memberi kelapangan dan kemudahan kepada jenis manusia kerana manusia itu adalah berlainan keadaannya dan kekuatan nafsunya juga adakalanya bilangan perempuan adalah berlebih daripada bilangan lelaki, disebabkan oleh kematian lelaki di dalam peperangan dan dalam masa menjalankan perusahaan dengan itu diharuskan beristeri lebih daripada satu itu supaya menutup kekurangan bilangan lelaki itu, tegasnya supaya tiada banyak perempuan yang merana dan tiada dapat bersuami. Bukanlah dengan tujuan supaya lelaki itu dapat memuaskan nafsu saja. Oleh itu mereka yang ingin beristeri lebih daripada satu itu hendaklah berfikir panjang sebelum memutuskan azamnya itu dan hendaklah ia menghitung pendapatannya dan keadaannya supaya tidaklah menjadi beban atas dirinya.<sup>4</sup>

Dibawah ini diringkaskan keadaannya yang membolehkan beristeri lebih dari satu iaitu:

Pertama: Sekiranya ada sifat keadilan pada diri lelaki.

Kedua: Kuasa menyamakan giliran dan nafkah dengan selayaknya, secukupnya.

---

4. Op-cit., m.s. 6.

Ketiga: Tidak mengabaikan kebajikan anak-anak dan isteri yang lama.

Keempat: Ada pendapatan yang boleh menyara dirinya dan isteri yang lama. Kalau ada semua syarat-syarat ini haruslah diteruskan cita-cita itu.

### Memilih Jodoh

Suami ialah pakaian isteri dan isteri pula pakaian suami dengan itu dapatlah difahamkan bahawa tiap-tiap pakaian mestilah berpadan dengan badan kita pada ukurannya, warnanya, dan potongannya. Pada ketika itu barulah pakaian itu kita gunakan dengan sepatut dan memberi faedah kepada kita yang memakainya maka demikianlah juga keadaan suami isteri. Oleh itu sebelum meminang atau menerima pinangan hendaklah dimesyuaratkan dan diperiksa dengan teliti akan mereka yang jadi bakal kongsi hidup itu supaya jadilah rumahtangga itu aman dan tenteram.<sup>5</sup>

Sesungguhnya sebuah rumahtangga itu boleh dicorakkan oleh kelamin itu sebagai syurga kalau di dalamnya aman dan tenteram dan sebaliknya neraka kalau di dalamnya kucar kacir.

---

5. Op-cit., m.s. 7.

Nabi pernah bersabda;

"Kahwinilah perempuan kerana empat tujuan - kerana hartanya, kerana bangsanya kerana rupanya dan kerana ugamanya. Maka ambillah yang beragama nescaya beruntung".

dan keterangan tiap-tiap satu adalah seperti berikut:

(a) Kerana memilih orang yang kuat menjalankan tuntutan agama Islam, biasanya mempunyai pengetahuan dan tingkahlaku yang baik yang terbit dari ilmu pengetahuan yang sempurna.

(b) Yang berbangsa iaitu keturunan orang yang baik seperti keturunan ulamak atau orang yang saleh kerana lazimnya dari keturunan tersebut itu berpengetahuan dan mempunyai tingkah laku yang baik dan senang dibawa berunding sekiranya berlaku perbalahan.

(c) Yang rupawan iaitu perempuan yang cantik kerana sabda nabi bermaksud;

"Sebaik-baik perempuan itu perempuan yang menyukakan dikau apabila engkau suruh dan memelihara dirinya dan harta engkau, apabila engkau tiada".

Tetapi haruslah diingatkan perempuan yang sangat rupawan saja, dengan tiada mempunyai agama, dan pengetahuan, lebih-lebih lagi yang tiada berbudi adalah

Nabi pernah bersabda;

"Kahwinilah perempuan kerana empat tujuan - kerana hartanya, kerana bangsanya kerana rupanya dan kerana ugamanya. Maka ambillah yang beragama nescaya beruntung".

dan keterangan tiap-tiap satu adalah seperti berikut:

(a) Kerana memilih orang yang kuat menjalankan tuntutan agama Islam, biasanya mempunyai pengetahuan dan tingkahlaku yang baik yang terbit dari ilmu pengetahuan yang sempurna.

(b) Yang berbangsa iaitu keturunan orang yang baik seperti keturunan ulamak atau orang yang salleh kerana lazimnya dari keturunan tersebut itu berpengetahuan dan mempunyai tingkah laku yang baik dan senang dibawa berunding sekiranya berlaku perbalahan.

(c) Yang rupawan iaitu perempuan yang cantik kerana sabda nabi bermaksud;

"Sebaik-baik perempuan itu perempuan yang menyukakan dikau apabila engkau suruh dan memelihara dirinya dan harta engkau, apabila engkau tiada".

Tetapi haruslah diingatkan perempuan yang sangat rupawan saja, dengan tiada mempunyai agama, dan pengetahuan, lebih-lebih lagi yang tiada berbudi adalah



sangat merbahaya. Kerana perempuan cantik selalu berbangga dengan kecantikannya.

(d) Kerabat yang jauh kerana dengan menyatukan kerabat yang telah jauh itu adalah menambahkan ramainya keluarga itu dan supaya bertambah kuat ikatan persaudaraan yang telah jarak itu.<sup>6</sup>

Adapun kerabat yang hampir seelok-eloknya dielakkan seperti sepupu sebelah bapa atau ibunya. Selain itu kesihatan yang sempurna dan umur yang sepadan dan penghidupan yang sama taraf atau adat resam yang sama adalah menjadi sendi yang utama sebelum sesuatu perkahwinan.

Kesimpulannya dapatlah ditegaskan bahawa perkahwinan adalah salah satu asas hidup yang utama dalam masyarakat manusia. Ditinjau dari sudut sejarah perkembangan umat manusia, maka dapatlah disimpulkan bahawa perkahwinan adalah pertalian yang sah antara seorang lelaki dan seorang perempuan yang hidup bersama (bersetubuh) dan yang tujuannya membentuk keluarga dan melanjutkan keturunan.

---

6. Op-cit., m.s. 7.

7. Abdullah Siddek, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, penerbitan Universiti Malaya, 1975, m.s. 73.

Pendaftar Nikah, Cerai Dan Rojok

Seperti yang diperuntukkan bagi negeri Perak, tiap-tiap Kadi hendaklah menjadi pendaftar-pendaftar nikah cerai dan rojok bagi kawasan-nya.<sup>8</sup>

Dan bagi membantu Kadi sebagai pendaftar cerai, nikah, seperti yang diperuntukkan maka bagi daerah Teluk Anson (Hilir Perak) telah dilantik enam belas orang Naib Kadi seperti berikut:

- i. Tuan Haji Sufian bin Haji Idris bagi kawasan Durian Sebatang.
- ii. Tuan Haji Mohamad Amin bin Saad bagi kawasan Sungai Keli.
- iii. Tuan Haji Abdul Aziz bin Haji Baharuddin bagi kawasan Sungai Sumun.
- iv. Tuan Haji Ismail bin Haji Osman bagi kawasan Teluk Baru.
- v. Tuan Haji Rais bin Haji Kadri bagi kawasan Langkap.
- vi. Tuan Haji Abdul Rahman bin Daud bagi kawasan Sungai Lanchang.
- vii. Encik Abdul Hamid bin Haji Semad bagi kawasan Sungai Manik.

---

8. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1965 (Perak) seksyen 118.

- viii. Encik Mohamad Yusuf bin Abdul Manap bagi kawasan Sungai Lampam.
- ix. Encik Yub Harun bin Lontok bagi kawasan Kampong Bandar.
- x. Encik Banyamin bin Haji Ahmad bagi kawasan Cenderong Balai.
- xi. Encik Mad Nordin bin Haji Montok bagi kawasan Sungai Dulang.
- xii. Encik Jaafar bin Abdul Karim bagi kawasan Sungai Haji Mohamad.
- xiii. Encik Idris bagi kawasan Sungai Balai.
- xiv. Tuan Haji Salleh bin Abdul Rahman bagi kawasan Matang Munda.
- xv. Tuan Haji Salim bagi kawasan Kota Setia.
- xvi. Encik Osman atau Samah bin Siraj bagi kawasan Sungai Durian.

Peraturan Melantik Naib Kadi

Dimana-mana satu kawasan di dalam sesuatu mukim hendak mengadakan Naib Kadi yang difikirkan mustahak adanya Naib Kadi disitu hendaklah ahli-ahli kawasan itu bermuafakat memilih akan calon-calon Naib Kadi itu daripada orang-orang yang tetap tinggal di dalam kawasan itu pada rumah yang tertentu supaya senang orang hendak berjumpa dan mengurus dengannya dalam pekerjaan nikah cerai dan sebagainya.

Kelayakan calon-calon yang dipilih itu hendaklah berumur diantara tiga puluh tahun hingga enam puluh tahun, ada pengetahuan agama Islam, berperangai baik dan boleh dipercayai.

Apabila telah didapati calon-calon itu dan iapun telah bersetuju maka hendaklah dihantar nama calon itu kepada penghulu mukim sekiranya penghulu mukim itu telah bersetuju dengan keadaan calon itu hendaklah ia memanjangkan kepada Tuan Kadi di daerah itu dengan memberi sokongan bagaimana pendapatnya.

Tuan Kadi hendaklah memanjangkan nama calon itu ke Pejabat Agama Islam Perak untuk mendapat persetujuan sekiranya Tuan Kadi tidak puas-hati di atas nama calon itu dengan ada sesuatu sebab yang tertentu atau ada perselisihan pada memilih calon-calon itu hendaklah Tuan Kadi itu berunding dengan penghulu mukim dan jika mustanak eloklah meminta nasihat daripada Orang Besar Jajahan pada menyelesaikan perkara itu supaya pekerjaan itu semuanya dalam aman.

Apakala Kadi telah mendapat persetujuan daripada pejabat agama Islam atas nama-nama calon itu hendaklah ia menjalankan temuduga itu dengan:

- i. Bertulis berhubung dengan Ilmu nikah cerai dan rojok.

- ii. Dengan membaca dan memahamkan kitab serta membaca khutbah nikah.

Apabila selesai temuduga itu dijalankan dan telah ditetapkan markah-markah temuduga itu hendaklah Tuan Kadi membuat penyata berkenaan temuduga itu serta memberi pandangan di dalam perkara melantik Naib Kadi itu dan ditandatangani olehnya berserta dua orang kapitnya itu. Kemudian penyata itu hendaklah dihantar ke Pejabat Ugama Islam Perak dengan segeranya supaya disembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Perak.

#### Melucutkan Jawatan Naib Kadi

Seorang Naib Kadi itu boleh dilucutkan daripada jawatannya apabila didapati syarat-syarat yang tersebut dibawah ini:-

- i. Ia minta berhenti daripada jawatannya itu.
- ii. Gila, nyanyok atau tiada tetap fikirannya.
- iii. Pindah dari daerah ini.
- iv. Membuat perkara-perkara yang selalu menjadikan pergaduhan orangramai atau perkara-perkara yang dipandang keji oleh masyarakat.

- v. Membuat perkara-perkara yang mencederakan tauliahnya mengikut hukum Syarak.
- vi. Tidak mahu bekerjasama dengan pihak pejabat Ugama Islam Perak.
- vii. Apabila umurnya telah lebih enam puluh tahun.

Seseorang Naib Kadi itu apakala telah didapati dengan salah satu daripada perkara-perkara yang tersebut itu hendaklah Kadi berunding dengan penghulu mukim, dan minta nasihat daripada Orang Besar Jajahan pada mencadangkan perlucutan jawatan Naib Kadi itu. Apakala telah dapat persetujuannya, Kadi hendaklah memanjangkan ke Pejabat Ugama Ipoh dan disembahkan kepada Sultan untuk dilucutkan jawatannya.<sup>9</sup>

#### Bidangkuasa Naib Kadi

Setelah ditauliahkan menjadi Naib Kadi - mereka mempunyai kuasa-kuasa seperti berikut:<sup>10</sup>

- (a) Sebelum menjalankan sesuatu akad nikah, Naib Kadi hendaklah menjalankan siasatan yang secukup-cukupnya agar tidak menghalangi perempuan itu dari diakadkan nikahnya.

---

9. Penyata Mesyuarat Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu Perak 9.12.1961, (Terpakai hingga masa kini) dengan semakkan tahun 1974.

10. Sijil tauliah Naib Kadi.

(b) Sekiranya tiada apa-apa halangan, bolehlah diadakan nikah. Dan semasa menjalankan siasatan ini Naib Kadi boleh memanggil mana-mana orang Islam hadir di depannya, untuk memberi apa-apa keterangan atau bukti.

(c) Sekiranya perempuan yang hendak dinikahkan itu ada mempunyai wali dan wali enggan menikahkannya, Naib Kadi tidak boleh menikahkannya melainkan memerintahkannya supaya menemui Kadi Daerah.

(d) Setelah menjalankan akad nikah Naib Kadi hendaklah menuliskan apa-apa butir yang berkenaan di dalam buku daftar dalam tempoh tujuh hari dari tarikh nikah itu.